

Headline	Penduduk Semenyih gesa pulih segera bekalan air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	12	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	501 cm ²
Journalist	Ahmad Suhael Adnan	AdValue	RM 17,204
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,612



Penduduk Semenyih gesa pulih segera bekalan air

➔ Paip bawah tanah sering pecah punca gangguan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Hulu Langat

Penduduk di beberapa lokasi di sekitar kawasan ini mahu masalah gangguan bekalan air yang didakwa berpunca daripada paip bawah tanah yang pecah dan penurunan paras air kolam di beberapa kawasan diselesaikan.

Antara lokasi saluran paip bawah tanah pecah direkodkan di Twitter Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sepanjang tinjauan *BH* di Semenyih adalah di Taman di Taman Aik Ann serta Taman Desa Anggerik masing-masing pada 7 Februari lalu; Taman Bukit Jaya (9 Februari) dan Jalan Bangi (10 Februari).

Selain itu, di Jalan Sungai Lalang



pada 13 Februari, Taman Sri Tanjung (18 Februari), Taman Kantan Permai (19 Februari) dan Taman Sri Manikavasagam Bandar Rinching, semalam.

Gangguan bekalan air disebabkan paip bocor pula berlaku di Kampung Rinching Hilir pada 11



Pekerja Kontraktor Air Selangor ketika menjalankan kerja menyelenggara paip utama di Jalan Aik Ann 1, Taman Aik Ann, Semenyih.

Februari, manakala gangguan di Bandar Mahkota Cheras pada 13 Februari dan Bandar Tasik Kesuma, kelmarin berpunca daripada penurunan paras air kolam.

Paip pecah setiap bulan

Penduduk Kampung Sungai Machang di Jalan Sungai Lalang, Mohamad Fairus Mohd Pilus, 44, mendakwa saluran paip pecah di kawasan itu berlaku hampir setiap bulan.

"Paip pecah sering berlaku di Jalan Sungai Lalang. Yang peliknya, lokasi berlaku paip pecah itu kerap berulang di tempat yang sama. Kadang-kadang, aliran air yang keluar daripada paip perlahan," katanya.

Beliau percaya paip bawah tanah pecah disebabkan terlalu banyak lori yang membawa muatan berat menggunakan laluan Jalan

Sungai Lalang.

Pemilik warung di Kampung Sungai Machang, Abdul Rahman Ali Mohd, 48, berkata perniagaannya kerap terganggu kerana gangguan bekalan air tidak berjadual di kawasan itu.

"Kerap juga apabila saya datang buka kedai pada waktu pagi, air tak ada. Minggu ini saja dua kali bekalan air terganggu, dan setiap bulan pasti akan berlaku lebih sekali," katanya yang menyediakan beberapa tong air bersih bagi menghadapi gangguan bekalan itu.

Penduduk di Taman Sri Manikavasagam, M Loganathan, 38, berkata kes saluran paip pecah juga kerap berlaku di sekitar taman itu hingga mengganggu aktiviti harian penduduk.

Pemandu lori itu berkata, keadaan diburukkan apabila kawa-

san taman perumahan itu tidak memiliki tangki air, menyebabkan bekalan terus terputus apabila Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menutup sementara bekalan air untuk memperbaiki paip yang pecah.

Saluran paip lama

"Paip di sini tidak ditukar sejak lebih 50 tahun lalu dan disebabkan itu, ia kerap pecah dan rosak serta berkarat. Harap wakil rakyat boleh bantu selesaikan isu ini," katanya.

Suri rumah, A Angeladevi, 58, berkata dia terkejut melihat paip pecah di sebelah rumahnya semalam, namun bersyukur ia tidak menjejaskan bekalan air di rumahnya.

"Gangguan air sudah kurang berbanding dulu, namun masih berlaku sekali setiap dua atau tiga bulan," katanya.

Headline	Saya tetap perjuangkan hospital: Aiman		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	12	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,100
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,300



Saya tetap perjuangkan hospital: Aiman



Saya akan tetap membawa suara rakyat Semenyih sehingga hasrat mereka tercapai dan saya berharap suara mereka akan didengari oleh pihak atasan”

Muhammad Aiman Zainali,
Calon PH



Muhammad Aiman membuat tinjauan mesra di Pasar Rabu Beranang, semalam.

[FOTO ASYRAF HAMZAH /BH]

Hulu Langat: Calon Pakatan Harapan (PH), Muhammad Aiman Zainali akan terus memperjuangkan keperluan untuk membina hospital di Semenyih walaupun ia dianggap tidak munasabah oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Calon berusia 30 tahun itu berkata, keperluan hospital sudah lama diimpikan penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan yang selama ini terpaksa berulang-alik ke Hospital Kajang.

Bawa suara rakyat

“Saya akan tetap membawa suara rakyat Semenyih sehingga hasrat mereka tercapai dan saya berharap suara mereka akan didengari oleh pihak atasan.

“Selain hospital, saya juga berharap kerajaan dapat menaik taraf

klirik kesihatan di Semenyih supaya dapat menampung keperluan penduduk di sini.

“Kedua-dua keperluan ini amat dinantikan penduduk dalam DUN Semenyih,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan mesra di Pasar Beranang di sini, semalam.

Muhammad Aiman sebelum ini berkata, pembinaan hospital di Semenyih antara perancangannya yang akan diperjuangkan jika dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu.

Bagaimanapun, Dr Dzulkefly menyifatkan rancangan untuk membina hospital di Semenyih sebagai tidak munasabah.

Beliau dilaporkan berkata, pembinaan klinik kesihatan dilihat lebih wajar untuk kawasan seperti Semenyih.

Headline	Alahai...papan tanda jadi lokasi jemur baju		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	17	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,337



Tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang menggantung pakaian pada papan tanda terbabit.

Alahai...papan tanda jadi lokasi jemur baju

SHAH ALAM - Tindakan segelintir pihak tidak bertanggungjawab yang menggantung pakaian pada sebuah papan tanda di Seksyen 25 mengundang rasa kurang senang buat penduduk setempat di sini.

Seorang peniaga, Rahman Razali, 43, tindakan itu bukan sahaja mencacatkan pemandangan malah memberi persepsi tidak baik kepada penduduk setempat.

“Tindakan ini tidak wajar kerana papan tanda tersebut dibina untuk menceriaikan kawasan ini,” katanya.

Dalam pada itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut menyelar tindakan menggantung pakaian pada papan tanda di Seksyen 25 di sini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, pihaknya menyediakan papan tanda di setiap seksyen bertujuan bagi memudahkan orang ramai untuk menuju ke destinasi yang berada di bawah pentadbiran MBSA.

Katanya, MBSA akan melakukan pemantauan selepas ini bagi memastikan kejadian sedemikian tidak lagi berulang pada masa hadapan.

Headline	Bekalan air terhenti 14 jam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	143 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,317



Bekalan air terhenti 14 jam

SABAK BERNAM - Sebanyak 14 kawasan di daerah ini mengalami gangguan bekalan air selama 14 jam sejak semalam.

Air Selangor dalam notis gangguan bekalan air berjadual berkata, bekalan itu terputus berikutan kerja-kerja penyelenggaraan di Tangki Imbangan Loji Rawatan Air Bernam River Headworks Baru (BHRN).

Menurutnya, kawasan terlibat ialah Bagin Nakhoda Omar, Kampung Banting, Parit Baru, Parit Changkat, Pasir Panjang, Peket 20 hingga 100 dan Sungai Air Tawar.

“Selain itu, Sungai Apong, Simpang Lima, Sungai Leman, Sungai Nipah, Sungai Nibong, Tebuk Jawa dan Teluk Rhu,” katanya.

Justeru, katanya, pelanggan dinasihatkan menyimpan bekalan secukupnya.

“Segala tindakan perlu diambil bagi mempercepatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan kepada pelanggan yang terjejas,” katanya.

INFO PELANGGAN

Info: 18 Februari 2019

NOTIS GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL

Tarikh : 20 Februari 2019 (Rabu)
Masa : 8.00 pagi hingga 10.00 malam
Kawasan : Wilayah Sabak Bernam

Pelanggan Yang Dihormati,

Air Selangor sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan bekalan air yang berkualiti dan bermutu. Bagi mematuhi dasar amalan dan meningkatkan kecukupan perkhidmatan perkhidmatan air, pihak kami akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di Tangki Imbangan Loji Rawatan Air Bernam River Headworks Baru (BHRN).

Penutupan bekalan sementara akan bermula pada jam 8.00 pagi, Rabu 20 Februari 2019 dan bekalan dihidupkan pada jam 10.00 malam, Rabu 20 Februari 2019.

Pelanggan dikehendaki menyimpan bekalan secukupnya. Segala tindakan perlu akan diambil bagi mempercepatkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pemulihan bekalan kepada pelanggan yang terjejas.

Kelulusan: Pelanggan menyimpan tempoh gangguan amatlah diharga.

KAWASAN TERLIBAT	
1. Bagin Nakhoda Omar	
2. Kampung Banting	
3. Parit Baru	
4. Parit Changkat	
5. Pasir Panjang	
6. Peket 20 hingga Peket 100	
7. Sungai Air Tawar	
8. Sungai Apong	
9. Simpang Lima	
10. Sungai Leman	
11. Sungai Nipah	
12. Sungai Nibong	
13. Tebuk Jawa	
14. Teluk Rhu	

Beri perkhidmatan kepada pelanggan kami	Telp: 10000 / 03-6141 / 03-6142 / 03-6143 / 03-6144 / 03-6145 / 03-6146 / 03-6147 / 03-6148 / 03-6149 / 03-6150
Beri komen dan aduan melalui	WhatsApp ke 019-281 6762 / 019-280 8919
Maklumat terkini status bekalan air	Aplikasi telefon pintar "Air Selangor" dengan muat turun aplikasi "Air Selangor" dari Google Play/App Store
Dapatkan maklumat 88 AP Anda melalui SMS	Telp: PUSOBEL (Berak) < No Melayu > Siantan ke 33380

Makluman mengenai gangguan bekalan air di 14 kawasan sekitar Sabak Bernam.

Headline	Ramai merungut rumah tak dibaiki lagi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	242 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,128
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,384



Ramai merungut rumah tak dibaiki lagi

KAMPUNG SERI TIRAM JAYA – “Masih ramai mengadu belum dapat bantuan baik pulih sedangkan kos yang perlu kerajaan negeri tanggung tidak sampai RM10,000 untuk satu rumah,” demikian kata mantan ADUN Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak.

Menurutnya, dia tidak terkecuali mendengar rintihan rakyat terutamanya di Dun Permatang yang dilanda ribut pada 10 Februari lalu yang disifatkan musibah paling buruk.

“Penduduk datang mengadu sebab rumah mereka tak dibaiki lagi dengan keadaan cuaca tak menentu...rosak harta benda sebab tak ada bumbung bila hujan lebat.

“Sepatutnya kerajaan negeri beri keutamaan kepada mangsa musibah ini dan beri arahan baik pulih serta sebab kuasa di tangan MB sendiri. MB sendiri sudah hadir melihat sendiri keadaan penduduk.

“Sepatutnya kerja baik pulih bawah RM20,000 boleh dibuat terus tanpa perlu buka tender. MB ada kuasa boleh arahkan kepada mana-mana kontraktor untuk baiki segera sebab ini kecemasan,” katanya.

Katanya yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Tanjong Karang, peruntukan untuk menanggung keseluruhan kos baiki



Sulaiman (dua,kiri) bersama sebahagian mangsa ribut ketika hadir Program Bantuan Mangsa Ribut Parlimen Tanjong Karang.

rumah mangsa ribut sudahpun diumumkan dan sewajarnya urusan baik pulih ini boleh dipermudahkan.

“Memang tak dinafikan ada kerja gotong-royong baiki rumah tapi kuantiti yang sikit bolehlah buat macam tu tapi ini melibatkan hampir 200 rumah. Patut lantik kontraktor baiki segera.

“Kalau kerajaan prihatin, patut dah lantik awal kontraktor untuk baiki rumah yang rosak tapi sampai sekarang ini, masih ada rumah yang tak berbumbung lagi,” katanya.

Penduduk datang mengadu sebab rumah mereka tak dibaiki lagi dengan keadaan cuaca tak menentu...rosak harta benda sebab tak ada bumbung bila hujan lebat.”

- Sulaiman

Headline	Dua tan sampah dalam rumah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	8	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	399 cm ²
Journalist	MOHD.YUNUS YAKKUB	AdValue	RM 10,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,183



MPK ambil masa dua jam operasi pembersihan lepas terima aduan jiran

Dua tan sampah dalam rumah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengambil masa selama dua jam untuk membersihkan sampah dan barangan lusuh di sebuah rumah teres di Jalan Dato' Dagang 17 di sini kelmarin.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, tindakan itu dibuat susulan kedegilan pemilik rumah membersihkan sampah serta barangan yang dianggarkan seberat dua tan walaupun notis telah dikeluarkan oleh pihaknya sejak sebulan lalu.

Penghuni rumah dipercayai seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 50-an juga sering mengelak apabila pihak MPK ingin bertemu dengannya.

"Kita menerima aduan daripada jiran sebelum mengeluarkan notis kepada pemilik rumah sebulan lalu supaya membersihkan sampah dan barangan lusuh yang dilonggokkan di anjung kediaman tersebut.

"Penghuni rumah itu bagaimanapun ingkar dan MPK terpaksa membuat operasi pembersihan bagi mengelak kejadian



ANGGOTA Penguat Kuasa MPK menunjukkan sebahagian daripada dua tan sampah di hadapan sebuah rumah hingga menyebabkan penduduk rimas di Klang kelmarin.

tidak diingini berlaku," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Norfiza memberitahu, operasi mengambil masa dua jam bermula pukul 9 pagi untuk membersihkan timbunan sampah antaranya sofa, bantal, tilam, pakaian dan besi buruk.

Jelas beliau, pihak MPK terpaksa memotong mangga pintu pagar rumah tersebut kerana penghuninya tiada di rumah.

"Kita menggunakan jentolak untuk mengangkut sampah dan barangan lusuh ke dalam lori sebelum dibuang ke tempat pelupusan sampah," katanya.

Seorang jiran yang mahu dikenali sebagai Mani, 50, berkata, sampah dan barangan lusuh itu dikumpulkan sejak dua tahun lalu.

"Lelaki itu (penghuni) menetap di sini sejak 20 tahun lalu dan bekerja sebagai mekanik.



KEADAAN luar rumah yang kelihatan lapang selepas dibersihkan oleh penguat kuasa MPK.

Dia dipercayai ditinggalkan oleh isteri dan lima anaknya kerana kurang siuman.

"Biasanya dia berada di rumah pada waktu malam dan kurang bergaul dengan jiran," katanya.

Tambahnya, lelaki itu tidak mengganggu jiran dan lebih suka membuat hal sendiri.

"Penduduk buat aduan kerana rimas (timbunan sampah) selain mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

INFO Kes berkaitan sampah

● **27 Ogos 2018** - Lima beranak di Padang Serai, Kedah pasrah tinggal di dalam rumah tidak terurus dan dipenuhi sampah sehingga menimbulkan bau busuk kerana tidak mampu menguruskan kediaman mereka

● **4 Januari 2018** - Seorang warga emas berusia 62 tahun yang lumpuh hidup merempat seorang diri di dalam rumah yang kotor dan dipenuhi sampah sarap serta najis di Kampung Kenangan, Johor Bahru selepas berselisih faham dengan keluarganya

● **30 September 2017** - Warga emas, Zaidah Mansor, 67, yang tinggal sebatang kara hidup dalam longgokan sampah di rumahnya di Taman Kosas, Ampang akibat masalah kesihatan sehingga menyebabkan pergerakannya terbatas untuk mengemas rumah

● **19 Oktober 2017** - Bahagian Khidmat Masyarakat Jabatan Ketua Menteri Melaka membelanjakan lebih RM10,000 bagi aktiviti gotong-royong sebuah rumah didiami 11 beranak yang dipenuhi sampah dan pakaian kotor di Bukit Rambai

Headline	Naik taraf Pasar Pagi Pekan Semenyih		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	14	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	261 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,398



Naik taraf Pasar Pagi Pekan Semenyih

SEMENYIH - Sejak beberapa tahun lepas, mukim Semenyih yang berada dalam daerah Hulu Langat menerima kesan limpahan pembangunan dari kawasan sekitarnya seperti Kajang, Putrajaya dan Cyberjaya.

Selain itu, Semenyih juga semakin popular dengan pelancongan berasaskan alam semula jadi seperti Bukit Broga, hutan rekreasi dan kolam air panas, yang menarik kunjungan pelancong tempatan dan luar negeri.

Kepesatan pembangunan dan tarikan pelancongan yang ada menyebabkan timbul rasa 'iri hati' dalam kalangan peniaga di Pasar Pagi Pekan Semenyih di sini yang berharap pasar itu dinaik taraf dan dipromosikan untuk dijadikan sebagai salah satu tarikan kepada pengunjung luar.

Seorang peniaga yang hanya ingin dikenali sebagai Zeti, 36, berkata, pasar tersebut boleh dijadikan sebagai antara tempat persinggahan para pendaki yang pulang dari Bukit Broga, kerana ia terletak berdekatan dengan jalan utama ke bukit tersebut dari Kuala Lumpur.

"Seperti yang kita tahu Bukit Broga memang sangat terkenal tetapi ramai pengunjung luar tidak



GOLONGAN peniaga di Pasar Pagi Pekan Semenyih mahu pasar itu dinaik taraf dan dipromosikan bagi menarik pengunjung luar.

tahu mengenai pasar ini. Saya sudah lebih setahun berniaga di sini tetapi tidak nampak pun orang luar datang, hanya muka yang sama sahaja ke sini. Mungkin usaha untuk mempromosikan pasar ini perlu dipertingkatkan lagi," kata peniaga tudung itu ketika ditemui *Bernamea* di sini semalam.

Katanya, terdapat pelbagai pilihan makanan tempatan yang dijual di pasar tersebut yang boleh menjadi daya penarik pengunjung luar.

Selain itu, beliau juga mencadangkan kedudukan kira-kira 100 gerai di pasar berkenaan disusun dengan lebih teratur mengikut jenis makanan

dan barangan yang dijual bagi memudahkan para pengunjung.

Sementara itu, peniaga kuih peneram Najmulah Mohammad Salehudin, 23, berkata, antara masalah yang sering dihadapi peniaga dan pengunjung di sini ialah kekurangan parkir terutama pada hujung minggu.

"Bila hujung minggu, saya lihat pengunjung susah mencari parkir. Ada yang terpaksa menunggu parkir yang kosong sehingga satu jam. Jadi saya minta pihak yang berkenaan melakukan sesuatu supaya para pengunjung akan lebih beraisa selesa untuk datang ke sini," katanya. - *Bernamea*

Headline	Bangunan kedai dibiarkan tidak terurus		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	15	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	NORAINI HASSAN BASRI	AdValue	RM 8,201
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,603



Penduduk mahu pihak berkuasa tangani masalah premis usang, elak kejadian buruk

Bangunan kedai dibiarkan tidak terurus

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

HULU LANGAT – Penduduk di Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma di sini mahu pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap bangunan lot kedai tiga tingkat berhampiran kediaman mereka yang tidak terurus dan terbiar sejak 10 tahun lalu.

Rata-rata mereka melahirkan rasa bimbang terhadap keselamatan penduduk di situ sekiranya ia tidak ditangani segera.

Tinjauan *Kosmo!* di kawasan berkenaan mendapati hanya lima buah premis yang membuka perniagaan mereka manakala selebihnya tidak beroperasi.

Seorang peniaga, **Zaleha Abd. Wahab, 60**, berkata, dere-

tan lot kedai yang terletak di Jalan Kesuma 3/7 itu dahulunya dipenuhi peniaga. Namun, ia ditinggalkan kosong kira-kira 10 tahun lalu selepas lot kedai baharu dibuka berhampiran kawasan tersebut.

"Saya telah menetap di sini sejak tahun 2002 dan semanganya bimbang apabila kawasan tersebut dibiarkan kosong kerana pelbagai perkara boleh berlaku di dalam lot kedai itu terutamanya perbuatan jenayah.

"Kawasan tersebut juga kotor dengan sampah sarap. Nasib baik ada lampu pada waktu malam, kalau ia dibiarkan gelap sudah tentu menakutkan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Katanya, tambah membimbangkan apabila anak perem-

puannya pernah menjadi mangsa ragut di sekitar kawasan perumahan mereka.

Sementara itu, seorang penduduk di pangsapuri berkenaan, **Saadiah Miat, 49**, berharap pemaju dan Majlis Perbandaran Kajang mengambil tindakan sewajarnya terhadap kawasan berkenaan.

"Sudah tentulah kami bimbang kerana takut ia dijadikan kawasan penagih atau maksiat sebab kita tak tahu apa yang ada di dalam premis berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, salah seorang pekerja di premis itu yang enggan dikenali menjelaskan, kebanyakan lot kedai di situ mempunyai pemilik namun mereka menjadikannya sebagai stor simpanan barang kerana kawasan-nya yang agak terpencil.



INILAH bangunan lot kedai yang terbiar sejak 10 tahun lalu di Bandar Tasik Kesuma Beranang, Hulu Langat sehingga membimbangkan penduduk setempat.

Headline	Loving the festivities		
MediaTitle	The Star		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	1106 cm ²
Journalist	LAI SU ZEN and LIM YIN YEN	AdValue	RM 59,227
Frequency	Daily	PR Value	RM 177,682



Hoping for a great catch

Hundreds of young women converged at Taman Tasik Jaya, Petaling Jaya to throw oranges into the lake while the men scooped them out to find their life partners on Tuesday night. This is the usual practice during Chap Goh Meh celebration. – IZZRAFIQ ALIAS/The Star > 4

Headline	Loving the festivities		
MediaTitle	The Star		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	1,4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	1106 cm ²
Journalist	LAI SU ZEN and LIM YIN YEN	AdValue	RM 59,227
Frequency	Daily	PR Value	RM 177,682

By LAI SU ZEN and LIM YIN YEN
metro@thestar.com.my

THE Chap Goh Meh celebration is more of an occasion for Malaysians to soak in the festivities with their family and friends, rather than looking for true love.

That was the order of the day when thousands of people flocked to the Taman Jaya Park in Petaling Jaya after dusk for the Chap Goh Meh event organised by Petaling Jaya City Council (MBPJ).

Student Sang Pei Jwen, 19, joined the celebration with her mother and two sisters to get a taste of the festive atmosphere there for the first time.

Although her mother jested that she was looking for "handsome boys" for her three daughters, Sang brushed it off as a joke.

"If someone does reach out to me on social media, I would not mind making a new friend," said Sang, who left her social media username on a mandarin orange.

Commonly known as Chinese Valentine's Day, Chap Goh Meh marks the fifteenth and last day of the Lunar New Year celebrations.

While it is said to be a Hokkien tradition for one to toss mandarin oranges into bodies of water to wish for the other half, other dialect and ethnic groups also enjoy the popular activity.

Many find it a great way for the younger generation to appreciate and understand a tradition passed down through the centuries.

University student Lim Li Huan, 22, was one of the many first-timers at the park for the Chap Goh Meh celebration.

She tagged along with three classmates, bringing with them mandarin oranges scribbled with their WeChat ID.

"This celebration is a chance for the singles at finding love.

"Having said that, I personally do not have high hopes of meeting the man of my dreams tonight," said Lim.

Italian Matteo Giovannini, who is in Malaysia for two weeks, said he attended

Loving the festivities

Thousands throng PJ park for tradition rather than finding romance



A lantern, written with wishes and prayers, being released into the sky during the celebration.



Young women writing their social media usernames on mandarin oranges instead of the usual phone numbers.

the event with four colleagues to enjoy the festival. He was encouraged to carry out the unique tradition, introduced to him by his Malaysian colleagues.

"I am here to join the fun of tossing mandarin oranges into the lake but not in search of romance," said 34-year-old Giovannini, who wrote his nationality and Instagram username on a few oranges.

Chin Ki Chong, 30, was holding a net to

pick up oranges from the lake.

"In the past two years, I only watched others tossing and scooping up the oranges.

"This time, I will try my luck at getting my prospective match, who will hopefully be the right one," he added.

In addition, attendees released sky lanterns written with wishes and prayers.

Also present were Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Azizi Mohd Zain, Petaling Jaya

MP Maria Chin Abdullah, Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran and Kampung Tunku assemblyman Lim Yi Wei.

To further hype up the festivities, the event treated attendees to lion dance and singing performances.

Some of them also took home lucky draw prizes sponsored by Poh Kong Holdings Bhd.

Headline	Melcat members learning the ropes in Selangor		
MediaTitle	The Star		
Date	21 Feb 2019	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	BRENDA CH'NG	AdValue	RM 15,851
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,553



Melcat members learning the ropes in Selangor

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

MEMBERS of the Melaka Select Committee on Competency, Accountability and Transparency (Melcat) visited the Selangor State Secretariat in Shah Alam to learn to operate its new select committee.

Melcat is shaped after the Selangor Selcat Committee on Competency, Accountability and Transparency (Selcat), that was formed after 2008 to investigate state issues via public hearing sessions.

Formed last November, Melcat is aimed at investigating corruption and transparency, check and balance, as well as the state's debt.

"In fact, forming Melcat is one of Pakatan Harapan's manifesto with the aims of reforming Melaka and to look into the various issues plaguing the state," said Melcat

chairman Damian Yeo Shen Li. He said this during a sharing and learning session hosted by Selcat chairman Ng Suee Lim together with four other members, Elizabeth Wong, Saari Sungib, Lau Weng San and Rizam Ismail.

Yeo, who is also the Duyong assemblyman, added that the formation of Melcat was a historic moment for the state and hoped Selcat members could guide them along the way.

"We hope that with Melcat, there will be more check and balance in Melaka and we can successfully investigate issues there," he said.

Also present to give Melcat members tips and guidance was Ng, who said the formation of Melcat was a good new beginning for Melaka.

"We are always happy to help other states form a Selcat like what we have and sharing sessions like these are important

to help other states to be more proactive in forming one too," he said.

Ng, who is also the Sekinchan assemblyman and Selangor State Speaker, added that Selcat held public hearings for a number of issues, namely misuse of assemblymen funds, flood woes, illegal sand mining among others.

"In total we have nine different committees focusing on various matters, including the water committee formed previously to discuss water restructuring in Selangor.

"But now that it is finally done, we have dissolved this water committee," he said.

Ng said he was supportive of such sharing sessions as they would give Selcat a chance to be better through exchange of ideas.

Other Melcat members present were Datuk Dr Wong Fort Pin, Alex Seah, Gue Teck, and Datuk Roslan Ahmad.



Members of Selcat and Melcat in a discussion at Selangor State Assembly's Annex Building.

Headline	PJ mayor: Unesco award is for everyone in the city		
MediaTitle	The Star		
Date	21 Feb 2019	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	4	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	206 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,241
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,722



By CHRISTINA LOW
christinalow@thestar.com.my

PJ mayor: Unesco award is for everyone in the city

THE Unesco award won by Petaling Jaya is a recognition for all residents and mostly for those studying in the city, said its mayor Datuk Mohd Azizi Mohd Zain.

